

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/08/2007

Pelan induk industri pembinaan dilulus

PUTRAJAYA 28 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan telah meluluskan pelan induk untuk industri pembinaan negara mengandungi tujuh teras bertujuan menjadikannya lebih berdaya saing, produktif, tahan lasak dan dinamik.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, melalui pelan induk itu, industri pembinaan akan mampu bersaing secara berkesan bukan sahaja dalam negara tetapi di luar negara dengan menggunakan teknologi yang lebih moden dan terkini.

Tujuh teras berkenaan ialah:

- Menyepadukan rantai nilai industri pembinaan bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan.

- Memantapkan imej industri pembinaan.

- Berusaha mencapai standard yang lebih tinggi dari segi kualiti, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta amalan alam sekitar.

- Membangunkan keupayaan dan kemampuan sumber manusia.

- Membuat inovasi melalui penyelidikan dan pembangunan serta menggunakan kaedah baru pembinaan.

- Meningkatkan keupayaan teknologi maklumat dan komunikasi.

- Memperoleh manfaat daripada globalisasi termasuk pengeksporan produk dan perkhidmatan pembinaan.

“Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan dan Kemudahan Infrastruktur telah meneliti kertas pembentangan daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berhubung kaedah memajukannya dan menentukan agar industri itu berkembang secara lebih sihat,” kata Najib.

Najib berkata demikian selepas memperkerusi mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan dan Kemudahan Infrastruktur di sini hari ini. Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Menurut Najib, kerajaan memberi tumpuan kepada industri pembinaan ekoran impaknya yang besar ke atas ekonomi negara dari segi penglibatan sebanyak 800,000 guna tenaga secara langsung atau tidak.